

[60 markah]

Jawab **Semua** soalan.

1. Rajah 1 menunjukkan sekeping kad nombor.

324.569

Rajah 1

1(a)

(a) Tuliskan nombor perpuluhan di atas dalam perkataan.

[1 markah]

(b) Nyatakan digit yang mewakili nilai tempat perseratus.

[1 markah]

1(b)

**Jumlah**

**1**

2. Rajah 2 menunjukkan waktu tamat bagi suatu tayangan gambar pada suatu malam.



Rajah 2

(a) Nyatakan waktu yang ditunjukkan dalam sistem 24 jam.

[1 markah]

2 (a)

--

(b) Tempoh tayangan gambar itu ialah 2 jam 10 minit.  
Pada pukul berapakah tayangan gambar itu bermula?

[2 markah]

2 (b)

--

**Jumlah**  
**2**

--

3. Rajah 3 menunjukkan satu kad ayat matematik.

$$1\frac{5}{6} - \frac{2}{3} + \frac{1}{2}$$

Rajah 3

(a) Selesaikan ayat matematik di atas.

[2 markah]

3(a)

--

(b) Cari hasil darab jawapan di 3 (a) dengan  $\frac{3}{4}$ .

[2 markah]


3(b)

--

**Jumlah**  
**3**

--

4. Rajah 4 menunjukkan isi padu air di dalam bekas S, T dan U.



Rajah 4

(a) Nyatakan isi padu, dalam ml, air di dalam bekas S.

[1 markah]

4(a)

	1
--	---

(b) Ali menuang  $\frac{2}{5}$  daripada jumlah air dalam bekas S, T dan U ke dalam sebuah baldi.

Hitung isi padu, dalam ml, baki air di dalam semua bekas.

[3 markah]

4 (b)

	3
--	---

4(b)

	3
--	---

**Jumlah**  
**4**

	4
--	---

5. (a) Umur Kamal 5 tahun, manakala umur ibunya lebih 32 tahun daripada umurnya.

Nyatakan nisbah umur Kamal kepada ibunya.

[2 markah]

(b) Jadual 5(b) menunjukkan jumlah markah 4 buah rumah sukan.

Rumah	Markah
Merah	222
Hijau	202
Biru	184
Kuning	196

Jadual 5(b)

Hitung min markah sebuah rumah sukan itu.

[2 markah]

5(a)

5(b)

**Jumlah**  
**5**

6. (a) Rajah 6(a) menunjukkan sekeping wang.



Rajah 6 (a)

Tandakan (✓) negara yang menggunakan wang di atas.

<input type="checkbox"/>	Malaysia	<input type="checkbox"/>	Thailand	<input type="checkbox"/>	Indonesia
--------------------------	----------	--------------------------	----------	--------------------------	-----------

[1 markah]

6(a)

	1
--	---

(b) Jadual 6 menunjukkan bajet Amir selama 3 minggu dalam suatu bulan.

Minggu	Wang Saku	Simpanan
Pertama	RM25	RM10.50
Kedua	RM25	RM9.00
Ketiga	RM25	RM10.00

Jadual 6

Amir membeli sehelai kemeja yang berharga RM27.90 dengan menggunakan jumlah wang simpanannya.

Hitung baki wang Amir.

[2 markah]


6(b)

	2
--	---

**Jumlah**  
**6**

	3
--	---

7. Rajah 7 menunjukkan jisim sebiji durian dan dua biji manggis yang sama saiz, dan diimbang dengan beberapa buah pemberat.



Rajah 7

- (a) Nyatakan jisim, dalam kg, semua buah itu.

[1 markah]

7(a)

- (b) Berdasarkan Rajah 7, diberi jisim buah durian ialah 2.95 kg.  
Hitung jisim dua biji manggis itu.

[2 markah]

7(b)


- (c) Wafi membeli durian tersebut dengan harga RM8 sekilogram.  
Hitung harga yang perlu dia bayar.

[2 markah]

7(c)

**Jumlah**  
**7**

8. (a) Rajah 8(a) menunjukkan satu garis lurus P



Rajah 8 (a)


Pada Rajah 8(a), lukiskan satu garis selari Q dan satu garis seranjang R

[2 markah]

8 (a)

	2
--	---

(b) Rajah 8(b) menunjukkan sebuah segi empat tepat ABCD, sebuah segi empat sama EFGH dan sebuah segi tiga BCL. Diberi  $FB = LC$ .



Rajah 8 (b)

Perimeter segi tiga BCL ialah 27 cm. Cari perimeter, dalam cm, kawasan yang berlorek.

[2 markah]

8(b)


	2
--	---

**Jumlah**  
**8**

	4
--	---



9. Rajah 9 menunjukkan beberapa titik pada satu satah Cartes.



Rajah 9

(a) Nyatakan koordinat bagi titik A.

[1 markah]

9(a)

--

(b) Tandakan titik E (6,5) pada satah Cartes dan sambungkan semua titik. Nyatakan poligon yang terhasil.

[3 markah]

9(b)

--

**Jumlah**  
**9**

--

10. Rajah 10(a) menunjukkan pernyataan oleh Encik Akif.



Saya melabur RM40 000 dalam satu skim amanah

Rajah 10 (a)

- (a) Selepas setahun, dia menerima dividen sebanyak 4.5%.  
Kira nilai dividen itu.

[2 markah]

10(a)

2

- (b) Jadual 10(b) menunjukkan kadar faedah untuk beberapa jenis pinjaman oleh sebuah bank.

Jenis pinjaman	Kadar faedah setahun
Pinjaman perniagaan	8%
Pinjaman pelajaran	2%
Pinjaman kenderaan	4%

Jadual 10 (b)

Farhana membuat pinjaman RM50 000 daripada bank tersebut untuk menyambung pelajarannya.

Hitung jumlah bayaran yang perlu dijelaskan dalam tempoh 3 tahun.

[3 markah]


10(b)

2

**Jumlah  
10**

4

11. Rajah 11 menunjukkan panjang dua batang pensel, A dan B.



Rajah 11

11(a)

(a) Nyatakan, dalam cm, panjang pensel B.

[1 markah]

(b) Hitung perbezaan panjang pensel A dan pensel B.

[2 markah]

11(b)

(c) Hadi membentuk sebuah segi empat dengan menggunakan 8 batang pensel A.

Hitung jumlah panjang, dalam cm, semua pensel itu.

[2 markah]

11(c)

**Jumlah**  
**11**

12. Rajah 12 menunjukkan ayat matematik pada satu kad nombor.

$$56\,582 + 251 - 4\,567 =$$

Rajah 12

(a) Selesaikan ayat matematik di atas.

[2 markah]

(b) Sebuah kilang mengeluarkan 11 100 biji butang. 3 600 biji butang itu berwarna putih. Selebihnya terdiri daripada butang merah, hijau dan kuning dengan jumlah bilangan yang sama.

Hitung bilangan butang merah.

[3 markah]

12(a)

2


12(b)

3

**Jumlah**  
**12**

5

13. Rajah 13 menunjukkan carta palang bagi wang yang disumbangkan oleh 20 orang murid untuk menghias kelas mereka.



Rajah 13

(a) Lengkapkan carta palang untuk mewakili bilangan murid yang memberi sumbangan sebanyak RM4.

[2 markah]

13(a)

--

(b) Hitung julat nilai wang yang disumbangkan.

[1 markah]


13(b)

--

**Jumlah  
13**

--

14. Rajah 14 menunjukkan sebuah kubus.



Rajah 14

(a) Lengkapkan ciri-ciri kubus itu dalam jadual di bawah.

[1 markah]

Ciri-ciri	Bilangan
Permukaan satah	6
Tepi	
Bucu	8

(b) Hitung isi padu, dalam  $\text{cm}^3$ , kubus itu.

[2 markah]

(c) Berdasarkan Rajah 14, Faiz melorek  $\frac{3}{4}$  daripada luas satu permukaan kubus itu. Hitung luas, dalam  $\text{cm}^2$ , kawasan yang dilorek oleh Faiz.

[2 markah]

14(a)

	1
--	---

14(b)

	2
--	---


14(c)

	2
--	---

**Jumlah**  
**14**

	5
--	---

15. Rajah 15 menunjukkan beberapa buah segi empat sama yang sama saiz.



Rajah 15

(a) Suzana dikehendaki melorekkan  $\frac{1}{3}$  daripada keseluruhan rajah.

Berapakah bahagian yang perlu Suzana lorekkan?

[2 markah]

15(a)

(b) Adiba mewarna  $\frac{1}{5}$  daripada bahagian yang belum berlorek dengan warna hijau. David pula mewarnakan setengah daripada baki yang belum diwarnakan dengan warna ungu.

Hitung bahagian yang diwarnakan oleh David.

[3 markah]

15(b)

**Jumlah**  
**15**

**SOALAN TAMAT**